

**Saya tak keluar satu sen pun untuk majlis anak, kata Zahid**  
**The Malaysian Insider**  
**Oct 1, 2015**

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi hari ini berkata, beliau tidak mengeluarkan satu sen pun untuk majlis perkahwinan anaknya di Jakarta, selepas pihak berkuasa memanggil seorang blogger Umno kerana mempersoalkan masa majlis tersebut diadakan yang kebetulan sama dengan lawatan beliau ke Indonesia.

Zahid juga mendedahkan, bukan satu kebetulan yang majlis perkahwinan anak lelakinya itu dibuat serentak dengan lawatan rasminya ke republik itu, lapor portal Malaysiakini.

Beliau berkata besannya, yang mengeluarkan semua perbelanjaan untuk majlis itu, sengaja merancang mengadakannya pada waktu itu selepas mengetahui beliau akan berada di sana atas kapasiti rasminya.

"Saya tidak membelanjakan sedikit pun wang untuk melayan mana-mana pihak. Majlis itu bukan saya punya, ia dibuat besan saya," beliau dipetik berkata oleh Malaysiakini pada satu sidang akhbar hari ini.

"Saya tidak belanja wang untuk mana-mana menteri atau tetamu daripada Malaysia bagi menghadiri perkahwinan itu," katanya.

Beliau berkata kenduri kahwin anaknya dan menantunya dari Indonesia itu sudah pun diadakan di Kuala Lumpur, sebelum majlis di Jakarta itu.

Mengesahkan menghadiri majlis perkahwinan itu pada 19 September, sewaktu lawatan rasmi 4 harinya ke Indonesia yang bermula 18 September, naib presiden Umno itu bergurau mengatakan beliau berharap Allah memberi balasan pada pihak terbabit jika anaknya nanti berkahwin.

Beliau merujuk kepada penulis blog Shahbudin Husin yang dipanggil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung postingnya yang bertanya sekiranya tarikh lawatan rasmi Zahid itu dibawa ke depan daripada tarikh asalnya supaya berkebetulan dengan majlis perkahwinan itu.

Shahbudin berkata, pegawai SKMM menyoal siasatnya pada Selasa mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang menyatakan seseorang melakukan kesalahan sekiranya memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain.

"Mengapa dia tak tanya saya untuk menjelaskan secara terbuka, saya tak salah guna dana awam," beliau dipetik berkata. – 1 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saya-tak-keluar-satu-sen-pun-untuk-majlis-anak-kata-zahid>